

NOTA UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI JOHOR BAHRU PADA 1 DISEMBER, 1966.

Terima kasih di atas sambutan yang meriah yang diberikan oleh UMNO Bahagian-Bahagian di Johor Bahru. Telah lama tidak dapat melawat ke Johor. Sambutan yang meriah ini menunjukkan bahawa ahli-ahli UMNO adalah patuh dan taat kepada pucuk pimpinan UMNO kita.

Kekuatan UMNO dan Perikatan ialah disebabkan oleh 3 perkara:

- (1) Penganjur-penganjur dan Ketua-Ketua Parti jujur dan ikhlas dalam menjalankan tugas masing-masing;
- (2) Ahli-ahli UMNO taat setia kepada parti dan percaya penuh kepada ketua-ketua agung;
- (3) Parti kita mempunyai tata tertib yang baik dan kuat.

Datang melawat ke Johor kali ini dalam suasana yang cerah dan cemerlang disebabkan oleh kerana konfrontasi yang didatangkan oleh Indonesia itu telah tamat.

Syukur kepada Tuhan, selepas Perjanjian Perdamaian di tandatangani dengan Indonesia, kerjasama yang rapat telah dapat dimulakan dan kita dapat menerima beberapa rombongan dari pihak Indonesia. Kita berharap kita juga akan menghantar rombongan-rombongan ke-Indonesia supaya dengan itu persahabatan dan perhubungan dua negara tetangga akan menjadi rapat dan erat.

Sungguh pun konfrontasi telah tamat, tetapi kita masih ada lagi musuh-musuh dalam negeri kita iaitu saki baki komunis di Sempadan Utara Malaysia Barat dengan Thailand dan di Malaysia Timur di Sarawak. Ancaman komunis masih lagi hebat. Dengan sebab itu tidak dapat hendak kurangkan perbelanjaan pertahanan bahkan terpaksa ditambah untuk menjaga keselamatan negara kita yang bertambah besar dan luas lagi disebabkan oleh kemasukan Sabah dan Sarawak ke Malaysia.

Suasana dalam negeri baik. Sungguhpun ada kadang-kadang timbul perselisihan antara ahli-ahli parti ataupun ketua-ketua parti, tetapi ini adalah masalah kecil. Sebab parti kita - Perikatan dan UMNO - adalah berdasarkan demokrasi, kita menurut aturan demokrasi yang sebenarnya. Jikalau kita seorang ketua tidak lagi dikehendaki oleh parti dan tidak disokong oleh parti, tidak ada jalan lain bagi kita melainkan terpaksa mengundurkan diri. Begitu juga kita mustahak patuh kepada ketua agung parti kita; patuh kepada apa-apa juga keputusan yang dibuat untuk kepentingan parti, bangsa dan negara. Inilah caranya yang telah berjalan sudah beberapa tahun dengan aman dan sempurna dan mendapat kejayaan yang memuaskan hati.

Pembangunan negara berjalan dengan baik. Semenjak 6 tahun, perubahan besar berlaku di seluruh negara kita. Kita akan teruskan rancangan-rancangan pembangunan, walaupun kekurangan wang disebabkan kita tidak dapat hendak mengurangkan perbelanjaan pertahanan. Tetapi kita akan cuba juga mendapatkan wang daripada negara-negara sahabat.